

KENYATAAN AKHBAR

**LATIHAN BRUNEI RIVER HERITAGE AND THE RIVER SAFARI
MENYELUSURI SUNGAI BRUNEI, SUNGAI MENGLAIT DAN SUNGAI DAMUAN
BAGI PEMANDU-PEMANDU PELANCONG**

Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Sumber – Sumber Utama dan Pelancongan telah mengendalikan tiga sesi latihan bagi 45 pemandu pelancong yang berdaftar dan berlesen di bawah Jabatan Kemajuan Pelancongan di tempat-tempat bersejarah di persekitaran Sungai Brunei termasuk Sungai Menglait dan juga Sungai Damuan.

Latihan ini adalah berpandukan laluan Brunei *River Heritage* yang memainkan peranan menerokai mercu tanda dan cerita sejarah dan budaya di sepanjang Sungai Brunei yang ikonik. Sementara itu, *River Safari* menerokai hidupan liar seperti monyet proboscis, spesies burung berwarna-warni, dan keindahan hutan bakau yang tenang di sepanjang Sungai Menglait dan Sungai Damuan. Sungai Damuan terkenal sebagai sebuah destinasi ekopelancongan yang menawarkan keindahan pelbagai spesies flora dan fauna serta hidupan liar disepanjang tebing sungai tersebut.

Latihan ini bertujuan untuk memberikan maklumat yang mendalam tentang perjalanan di masa lalu di zaman keemasan empayar Brunei sepanjang Sungai Brunei sambil menerokai hidupan liar yang terdapat dikawasan tersebut seperti adanya pelbagai spesies burung contohnya burung bangau dan heron serta mengenalpasti akan flora dan fauna yang terdapat disepanjang perjalanan aliran yangmana sungai-sungai ini dihiasi dengan pokok bakau dan pokok nipah. Selain itu, para pemandu pelancong boleh mengetahui akan kepentingan ekosistem sungai bagi mengekalkan keseimbangan alam yang dapat memupuk rasa tanggungjawab terhadap pemeliharaan sumber air bersih.

Sesi latihan ini merupakan salah satu inisiatif Jabatan Kemajuan Pelancongan khusus untuk pemandu-pemandu pelancong supaya dapat menimba ilmu pengetahuan dan meningkatkan kemahiran dan pengetahuan dalam memberikan perkhidmatan pemanduan yang lebih berkualiti kepada pengunjung ke persekitaran perairan Sungai Brunei, termasuk Sungai Menglait dan Sungai Damuan.


“Latihan ini sangatlah penting bagi pemandu pelancong dalam meningkatkan pengetahuan dan teknik yang terperinci dalam memberi panduan sepanjang persekitaran perairan sungai Brunei. Yangmana, sebagai pemandu pelancong, kadang-kadang mungkin terlupa dan dengan adanya latihan ini ia boleh menyegarkan dan mengemaskinikan maklumat mengenai sejarah sungai Brunei termasuklah flora dan fauna yang terdapat di Kawasan tersebut” – Zulamri bin Haji Emran, Pemandu Pelancong menerangkan selepas selesai latihan tersebut.

Manakala Dayang Ho Huey Voon @ Venie, salah seorang pemandu pelancong yang mengikuti latihan tersebut juga menyatakan bahawa latihan ini adalah peluang yang terbaik dalam mempelajari fakta yang lebih lanjut mengenai sejarah, warisan, haiwan dan tumbuh-tumbuhan disepanjang laluan perairan sungai. Fakta yang telah dikongsikan adalah salah satu penceritaan yang menarik dan ianya telah mengajar betapa pentingnya menimba ilmu itu dalam memberikan panduan kepada pelancong dengan maklumat yang terkini.

Jabatan Kemajuan Pelancongan komited untuk meningkatkan mutu perkhidmatan pelancongan di Negara Brunei Darussalam. Melalui program latihan ini, diharapkan pemandu pelancong akan dapat memberikan perkhidmatan pemanduan yang lebih profesional dan berkualiti kepada pengunjung dan seterusnya mempamerkan keindahan Sungai Brunei termasuklah flora dan fauna yang terdapat dipersekitaran sungai-sungai serta mengongsikan pengalaman yang positif tentang ekosistem Negara Brunei Darussalam kepada pelancong - pelancong.

- Tamat -

Disediakan oleh:
Unit Kompetensi
Bahagian Pematuhan, Piawaian dan Kompetensi
Jabatan Kemajuan Pelancongan


Melinda Pichmes